



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

Bil. 34 / 2020

NOTIS PENUTUPAN SEMENTARA OPERASI PEJABAT PILIHAN RAYA NEGERI SARAWAK

1. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) ingin memaklumkan penutupan sementara operasi Pejabat Pilihan Raya Negeri (PPN) Sarawak bermula dari 20 Julai 2020 (Isnin) sehingga 2 Ogos 2020 (Ahad) selepas seorang daripada kakitangannya didapati positif Covid-19.
2. Selaras dengan Prosedur Operasi Standard (SOP) pencegahan penularan pandemik Covid-19 yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), kesemua kakitangan PPN Sarawak yang mempunyai kontak rapat dengan kakitangan berkenaan telah diarahkan untuk menjalani ujian saringan Covid-19 dan wajib menjalani kuarantin sendiri (*self-quarantine*) selama 14 hari. Susulan daripada itu, operasi pejabat PPN Sarawak ditutup sehingga selesai tempoh kuarantin berkenaan memandangkan tiada kakitangan yang bertugas di pejabat sepanjang tempoh kuarantin tersebut.

3. Pada masa yang sama, pembersihan dan nyah kuman (disinfeksi) ruang dan kawasan sekitar pejabat telah dilaksanakan untuk memastikan pencegahan penularan wabak Covid-19.
4. Untuk sebarang urusan dan pertanyaan lanjut berkenaan urusan pilihan raya seperti pendaftaran dan semakan pengundi serta yang berkaitan masih boleh dilakukan melalui saluran-saluran yang berikut :
 - a) Portal rasmi SPR di www.spr.gov.my ;
 - b) Portal semakan daftar pemilih <https://pengundi.spr.gov.my>;
 - c) Aplikasi MySPRDaftar;
 - d) Aplikasi MySPR Semak;
 - e) *Hotline* SPR di talian 03-8892 7018; atau
 - f) SMS ke 15888 (taip SPR<jarak>SEMAK<jarak>NO. KAD
PENGENALAN

Sekian.

IKMALRUDIN BIN ISHAK

Setiausaha

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR)

Tarikh: 23 Julai 2020 / 2 Zulhijjah 1441H